SULIT

**NO. SOALAN : 98**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN [PADANG SERAI]**

**TARIKH : 25 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 9960**

**PERTANYAAN:**

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan yang telah dilaksana hukuman mati menurut kategori bangsa, kewarganegaraan dan jenis kesalahan daripada tahun 2007 hingga 2017.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara Malaysia dari tahun 2007 hingga 10 Julai 2017, menunjukkan jumlah banduan yang telah dilaksanakan hukuman gantung sampai mati adalah seramai 30 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 27 orang adalah banduan warganegara Malaysia dan 3 orang adalah banduan warganegara asing yang terlibat dengan pelbagai kesalahan iaitu membunuh (25 orang), pengedaran dadah (3 orang) dan kesalahan berkaitan dengan senjata api (2 orang).

**SOALAN ( 99 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| TARIKH | : | 25 JULAI 2017<br>[ SELASA ] |
| DARIPADA | : | YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH<br>[SANDAKAN] |

**SOALAN :-**

**YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **bilangan unit rumah mampu milik yang telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan selepas PRU-13 dalam pecahan negeri, lokasi dan bilangan. Adakah skim sewa-beli akan dipakai guna dalam rumah mampu bilik yang disediakan oleh Kerajaan.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan penyelarasan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) pada jumlah 1 juta unit rumah menjelang tahun 2018 di seluruh negeri dengan penetapan unit rumah pada harga siling maksimum RM300,000. Sehingga April 2017, jumlah sasaran unit RMM termasuk yang telah siap sepenuhnya dibina oleh pelbagai agensi di daerah dalam setiap negeri ialah seperti berikut:

| NEGERI | DAERAH | UNIT SASARAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| Johor | Segamat | 7,133 | **128,436 (20% UNIT SIAP = 25,410 UNIT)** |
| | Kluang | 13,584 | |
| | Mersing | 1,311 | |
| | Kota Tinggi | 9,731 | |
| | Kulai Jaya | 7,364 | |
| | Johor Baharu | 62,352 | |
| | Pontian | 1,654 | |
| | Batu Pahat | 9,490 | |
| | Muar | 5,669 | |
| | Ledang | 2,904 | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Pelbagai Daerah | 7,244 | |
| Kedah | Langkawi | 1,972 | **58,440** **(72% UNIT SIAP = 42,131 UNIT)** |
| | Kubang Pasu | 7,510 | |
| | Pokok Sena | 1,589 | |
| | Padang Terap | 1,739 | |
| | Sik | 190 | |
| | Kuala Muda | 14,550 | |
| | Baling | 2,266 | |
| | Bandar Baharu | 553 | |
| | Kulim | 10,692 | |
| | Yan | 303 | |
| | Pendang | 3,610 | |
| | Kota Setar | 8,093 | |
| | Pelbagai Daerah | 5,373 | |
| Kelantan | Pasir Mas | 2,301 | **38,659** **(34% UNIT SIAP = 12,893 UNIT)** |
| | Tumpat | 3,524 | |
| | Kota Bharu | 11,578 | |
| | Bachok | 722 | |
| | Pasir Puteh | 3,695 | |
| | Machang | 1,712 | |
| | Kuala Krai | 3,086 | |
| | Gua Musang | 1,944 | |
| | Jeli | 766 | |
| | Tanah Merah | 2,286 | |
| | Pelbagai Daerah | 7,045 | |
| Melaka | Jasin | 14,548 | **71,113** **(25% UNIT SIAP = 17,750 UNIT)** |
| | Melaka Tengah | 36,985 | |
| | Alor Gajah | 16,832 | |
| | Pelbagai Daerah | 2,748 | |
| Negeri Sembilan | Jelebu | 704 | **35,282** **(22% UNIT SIAP = 7,603 UNIT)** |
| | Jempol | 2,634 | |
| | Kuala Pilah | 854 | |
| | Tampin | 1,252 | |
| | Rembau | 2,164 | |
| | Port Dickson | 4,300 | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Seremban | 20,219 | |
| | Pelbagai Daerah | 3,155 | |
| Pahang | Lipis | 1,648 | **57,583 (65% UNIT SIAP = 14,650 UNIT)** |
| | Jerantut | 3,056 | |
| | Maran | 1,816 | |
| | Kuantan | 28,588 | |
| | Pekan | 8,004 | |
| | Rompin | 3,276 | |
| | Bera | 1,274 | |
| | Bentong | 2,598 | |
| | Temerloh | 3,739 | |
| | Raub | 952 | |
| | Cameron Highlands | 2,632 | |
| Perak | Kerian | 2,391 | **70,482 (30% UNIT SIAP = 20,952 UNIT)** |
| | Selama | 1 | |
| | Hulu Perak | 1,286 | |
| | Kuala Kangsar | 2,653 | |
| | Kinta | 21,249 | |
| | Kampar | 2,981 | |
| | Batang Padang | 8,920 | |
| | Hilir Perak | 3,592 | |
| | Perak Tengah | 4,960 | |
| | Manjung | 9,050 | |
| | Larut & Matang | 4,422 | |
| | Pelbagai Daerah | 8,977 | |
| Perlis | - | 11,934 | **11,934 (24% UNIT SIAP = 2,831 UNIT)** |
| Pulau Pinang | Timur Laut | 6,665 | **63,008 (21% UNIT SIAP = 13,278 UNIT )** |
| | Seberang Perai Utara | 13,312 | |
| | Seberang Perai Tengah | 6,315 | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Seberang Perai Selatan | 4,544 | |
| | Barat Daya | 31,672 | |
| | Pelbagai Daerah | 500 | |
| Selangor | Sabak Bernam | 618 | **106,478 (32% UNIT SIAP = 34,344 UNIT)** |
| | Ulu Selangor | 1,685 | |
| | Gombak | 5,544 | |
| | Ulu Langat | 26,997 | |
| | Sepang | 20,382 | |
| | Kuala Langat | 22,500 | |
| | Klang | 12,211 | |
| | Petaling | 12,866 | |
| | Kuala Selangor | 1,675 | |
| | Pelbagai Daerah | 2,000 | |
| Terengganu | Besut | 1,798 | **33,699 (47% UNIT SIAP = 15,906 UNIT)** |
| | Setiu | 952 | |
| | Kuala Terengganu | 7,550 | |
| | Marang | 3,838 | |
| | Dungun | 1,726 | |
| | Kemaman | 9,854 | |
| | Hulu Terengganu | 1,766 | |
| | Pelbagai Daerah | 6,215 | |
| Sarawak | Kuching | 18,217 | **37,915 (14% UNIT SIAP = 5,220 UNIT)** |
| | Daro | 300 | |
| | Sibu | 1,779 | |
| | Mukah | 152 | |
| | Bintuli | 5,621 | |
| | Miri | 3,476 | |
| | Limbang | 114 | |
| | Betong | 284 | |
| | Sri Aman | 259 | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Samarahan | 1,157 | |
| | Bau | 122 | |
| | Pelbagai Daerah | 6,434 | |
| Sabah | Kota Kinabalu | 19,261 | **72,310 (24% UNIT SIAP = 17,665 UNIT)** |
| | Tuaran | 4,960 | |
| | Kota Belud | 1,114 | |
| | Kudat | 922 | |
| | Pitas | 440 | |
| | Kota Marudu | 1,292 | |
| | Ranau | 650 | |
| | Sandakan | 8,170 | |
| | Kinabatangan | 300 | |
| | Lahad Datu | 7,012 | |
| | Semporna | 1,491 | |
| | Tawau | 5,337 | |
| | Tambunan | 300 | |
| | Keningau | 930 | |
| | Beaufort | 687 | |
| | Papar | 6,389 | |
| | Penampang | 6,292 | |
| | Putatan | 1,512 | |
| | Pelbagai Daerah | 5,251 | |
| Kuala Lumpur | - | 69,762 | **69,762 (9% UNIT SIAP = 5,810 UNIT)** |
| Wilayah Persekutuan Labuan | - | 3,156 | **3,156 (6% UNIT SIAP = 172 UNIT)** |
| Putrajaya | - | 17,233 | **17,233 (7% UNIT SIAP = 1,123 UNIT)** |
| JUMLAH | | | **875,490** |
| JUMLAH UNIT SIAP | | | **237,738 (27%)** |

Sasaran 1 juta unit rumah dijangka akan dapat dilepasi pada hujung tahun 2017

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan Skim Sewa Untuk Beli atau *Rent to Own* (RTO) untuk rumah yang dibangunkan oleh KPKT adalah khusus bagi unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang diputuskan untuk dijual. Ia hanya ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan. Untuk fasa awal, kaedah skim ini adalah khusus untuk pembelian rumah bagi PPR Gua Musang, PPR Kampung Hassan, PPR Lembah Subang 2 dan PPR Ladang Siliau atau mana-mana projek PPR yang diputuskan untuk dijual. Selain itu, skim berkonsepkan RTO juga telah dilaksanakan melalui pembelian unit rumah oleh PR1MA dan Kerajaan Negeri seperti Johor dan Selangor. Kerajaan berpandangan bahawa skim ini berpotensi diperluaskan untuk pembelian unit rumah yang dibangunkan oleh agensi-agensi dan Kerajaan Negeri yang lain pada masa akan datang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017